

Headline	PPKS Miri terima pensijilan 5S		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	19 Aug 2016	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,029
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,088



PPKS Miri terima pensijilan 5S

ADUM LIU

MIRI: Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) Miri salah sebuah pusat Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) pertama di bahagian Utara Sarawak tujuh tahun berturut-turut menerima pensijilan semula Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa 5S, Sawalliah Lajat ketika ditemui di sini semalam ber-

kata, kejayaan tersebut adalah hasil komitmen dan kerjasama seluruh warga PPKS Miri utamanya bagi Jawatankuasa 5S dan 3R yang menjadi penggerak setiap aktiviti yang diadakan.

Katanya, sesi audit yang dilakukan pada Ogos lepas bahawa MPC yang dihadiri Juru-audit Abang Nurfadli Abang Yusuf iaitu pihak MPC bersetuju mengesyorkan PPKS Miri menerima pensijilan semula itu.

"Aktiviti 5S bagi tahun ini, kita turut memperkenalkan projek Kumpulan Inovatif dan

Kreatif (KIK) iaitu Program Penjimatan Sumber, Reduce, Reuse & Recycle (3R).

"Melalui program ini kita menyasarkan untuk menurunkan penggunaan sumber sama ada elektrik, air dan penggunaan kertas kepada 10 peratus penghujung tahun ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap amalan 5S ini sentiasa diamalkan oleh semua kakitangan kerana ia memberi kebaikan dalam kualiti kerja, kebersihan, persekitaran kondusif dan keselamatan, jelas-

nya.

"Secara keseluruhan berpuas hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh seluruh warga kerja PPKS Miri dalam meneruskan budaya 5S sebagai amalan kerja.

"Tahniah dan syabas atas usaha yang diberikan dalam melaksanakan 5S melalui aktiviti kreatif dan inovatif," tambahnya. Selain Pensijilan Semula 5S, PPKS Miri turut mendapat pensijilan semula ISO 9001:2008 dalam Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) pada Januari yang lepas.



TINJAU... Abang Nurfadli ketika meninjau aktiviti Projek 3R hasil pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) Miri.